



SIARAN MEDIA

LAWATAN KASIH KETUA PENGARAH JAPEN SANTUNI MENTOR DAN VETERAN JABATAN

BATU PAHAT, 27 Jun 2026 – Jasa dan pengorbanan warga veteran sentiasa dikenang, terutamanya kepada mereka yang telah mencurahkan bakti dalam membentuk generasi pelapis serta memperkukuh peranan Jabatan Penerangan Malaysia (JAPEN) sebagai agensi penyampaian maklumat kepada rakyat.

Atas semangat menghargai jasa tersebut, Ketua Pengarah JAPEN, Erwin Khairul Ahmad, hari ini, mengadakan kunjungan ke kediaman Encik Abdul Razak Mohammed, pesara JAPEN, di sini.

Abdul Razak merupakan antara anggota keluarga besar JAPEN yang telah menabur bakti selama 37 tahun, bermula dari 1982 hingga persaraannya pada 2019. Jawatan terakhir yang disandang beliau ialah Pegawai Penerangan Daerah (PPD) Kluang.

Sepanjang tempoh perkhidmatannya, beliau pernah bertugas di Ibu Pejabat JAPEN Johor serta beberapa daerah lain termasuk Kulai, Kota Tinggi, Batu Pahat dan Kluang, selain pernah berkhidmat di Terengganu. Beliau juga dikenali sebagai seorang penceramah jabatan yang disegani dan amat sinonim dengan kehebatan berpantun secara spontan ketika menyampaikan ceramah.

Menurut Erwin, Abdul Razak bukan sekadar seorang rakan sekerja, malah merupakan guru dan mentor yang banyak membimbing beliau, khususnya dalam bidang pengucapan awam.

"Beliau adalah salah seorang guru dan mentor saya di Jabatan Penerangan. Banyak ilmu dan pengalaman yang saya timba daripada beliau, khususnya dalam pengucapan awam," katanya.



Dalam kunjungan tersebut, Erwin menzahirkan penghargaan atas segala jasa dan khidmat bakti yang telah dicurahkan oleh Abdul Razak sepanjang berkhidmat. Walaupun kini mengalami keuzuran akibat pernah diserang angin ahmar, Abdul Razak masih memiliki daya ingatan yang sangat baik.

Beliau bukan sahaja mampu mengimbau pelbagai kenangan sepanjang berkhidmat, malah masih boleh berpantun secara spontan, sekali gus menyerlahkan keperibadian beliau yang sentiasa dekat dengan seni penyampaian dan komunikasi.

Lawatan tersebut bukan sekadar ziarah biasa, tetapi turut menjadi simbol penghargaan JAPEN terhadap jasa dan pengorbanan warga veteran yang telah membina asas yang kukuh kepada organisasi. Inisiatif ini juga mencerminkan nilai kepimpinan yang sentiasa menghargai sumbangan generasi terdahulu serta memastikan legasi ilmu, pengalaman dan semangat mereka terus dikenang dan menjadi inspirasi kepada warga JAPEN pada masa hadapan.





Kapsyen: Erwin Khairul Ahmad (kiri) bersama-sama Abdul Razak Mohamed (kanan), yang dianggap sebagai guru dan mentor dalam pengucapan awam.

Bahagian Media dan Komunikasi Korporat

Jabatan Penerangan Malaysia

03-8911 7381 / 7382